

11/10/2001

AP enggan buat kenyataan

KUALA LUMPUR, Rabu - Associated Press (AP) buat masa ini tidak mahu membuat sebarang ulasan berhubung tuntutan Pejabat Perdana Menteri supaya agensi berita asing itu dan seorang wartawannya memohon maaf secara terbuka kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Apa yang saya boleh sebut ialah kita tidak membuat kenyataan pada peringkat ini," kata jurucakap AP di sini ketika dihubungi, hari ini.

Semalam, pejabat Perdana Menteri menuntut supaya AP dan wartawannya, Sean Yoong, menyiarkan pembetulan dan permohonan maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri memandangkan kesan meluas akibat kesilapannya itu.

Kes ini berkaitan satu rencana yang secara tidak tepat memetik ucapan Perdana Menteri mengenai serangan yang diketuai Amerika Syarikat terhadap Afghanistan.

Yoong dalam laporannya menyatakan: `Mahathir repeated calls for a summit of world leaders to reach an internationally acceptable definition of terrorism, and he criticised Israel.'

"If they wanted to take action, they should pick the right people," Mahathir said of the US and British strikes. "I would support them if they wanted to take terrorist action against Israel because Israel has shot dead many Palestinians. For us, those are the terrorists."

Pejabat Perdana Menteri berkata, laporan itu tidak tepat dan bermaksud jahat kerana Dr Mahathir jelas tidak merujuk kepada serangan udara Amerika Syarikat dan Britain dalam kenyataannya mengenai Israel.

(END)